

22/11/1997

Panggilan margin tidak akan disekat

Jamhariah Jaafar

PANGGILAN margin tidak akan disekat secara keseluruhan kerana tindakan seumpama itu akan membawa masalah kepada sektor perbankan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, berikutan pasaran saham terus merosot, institusi kewangan perlu mengambil langkah lebih berhati-hati kerana sebarang keputusan boleh menimbul masalah, sama ada kepada bank atau pelanggan.

"Kita kena (benarkan) kerana kalau kita tidak bagi margin call (panggilan margin), mungkin bank akan menghadapi masalah."

"Sebaliknya kalau bank terlalu awal memanggil margin, pelanggan pula akan menghadapi masalah."

"Jadi sebelum bank memotong faedah, peraturan mesti diikuti."

"Bank tidak akan membuat sesuatu yang menyusah atau merugikan pelanggan."

"Saya percaya bank Malaysia bijak dalam pengurusan perbankan dan tahu apa yang harus dibuat," katanya mengulas tindakan yang perlu diambil oleh bank membabitkan panggilan margin berikutan pasaran saham dan nilai ringgit terus merosot sejak dua hari lalu.

Dr Mahathir berkata, demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

Panggilan margin adalah permintaan oleh broker atau bank kepada pelanggan untuk meningkatkan marginnya atau simpanan yang diperlukan bagi menjalankan urus niaga kerana potensi kerugian dijangka lebih besar berbanding jangkaan.

Disebabkan serangan manipulasi berterusan yang mengakibatkan kejatuhan mendadak dalam pasaran mata wang dan pasaran saham tempatan, pelabur menghadapi masalah berkaitan panggilan margin kerana nilai saham jatuh di bawah nilai cagaran pinjaman.

(END)